

Headline	Rumput Padang Golf Tempatan	Language	MALAY
Date	25. Jul 2008	Page No	12
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	916 cm2
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	12915.09



MUKA 12

Mega BIOTEK

UTUSAN MALAYSIA - JUMAAT 25 JULAI 2008

DR. Mohd Said Saad menunjukkan green padang golf Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ditanam *Satiri*.



PENYELIDIKAN menghasilkan rumput *Satiri* di UPM memerlukan analisis pelbagai varieti rumput.

Rumput padang golf tempatan

Oleh LAUPA JUNUS

BAGI pemain golf, keadaan rumput di lapangan permainan penting kerana ia boleh mempengaruhi prestasi mereka semasa bermain.

Permukaan *green* merupakan kawasan yang perlu diberi perhatian kerana *putting* boleh dilakukan dengan lebih baik dengan bantuan rumput yang sesuai. Di negara ini, rumput untuk kawasan *green* kebanyakan menggunakan varieti/spesies luar negara.

Namun sama ada ia menjejaskan prestasi pemain atau sebaliknya belum pernah kedengaran rungutan mengenainya.

Bagaimanapun, seorang penyelidik

dari Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), mempunyai khabar gembira bagi pemain golf yang ingin mencuba kelainan bermain di padang rumput ciptaannya.

Penyelidik terbabit, Prof. Madya Dr. Mohd. Said Saad yang menamakan rumput ciptaannya itu sebagai *Satiri* berkata, ia merupakan rumput yang lebih halus dan 'kerdil' berbanding rumput golf sedia ada dan tahan kepada kekangan air dan lindungan.

Ketika berkongsi kepada *Mega* mengenai faktor pendorong beliau menjalankan penyelidikan tersebut, beliau memberitahu, ia bermula apabila terdapat pengusaha padang golf memintanya membantu mengatasi masalah rumput di *green*.

Pengusaha berkenaan memberitahu beliau rumput *green* agak kasar dan terdapat jenis lain yang tidak dikehendaki atau *weed* yang wujud sebagai tompok, ia menyebabkan permukaan *green* tidak cantik dan mengganggu halaju bola semasa *putting*.

"Ini menyebabkan saya mula berfikir bagaimana membentuk rumput yang sesuai untuk keadaan tempatan," katanya memberitahu bahawa rungutan itu dibangkitkan ketika permainan golf menjadi semakin popular dan banyak padang golf dibina.

Beliau seterusnya menjelaskan, pada tahun 1997, beberapa padang golf memintanya melihat masalah *green* yang banyak tompok *weed*.

Beliau kemudiannya mula buat penelitian dan mendapati banyak tompok ini adalah *weed* dari pencemaran daripada spesies lain dan rumput yang telah bertukar sifat.

Dr. Mohd Said, menganggap ia mungkin berlaku kerana perubahan

genetik dan ada antaranya sesuai pada keadaan persekitaran tempatan dan terus hidup.

"Saya ambil sampel di seluruh Malaysia yang jumlahnya 117 dan selepas penelitian dari sifat morfologi, sebanyak 15 darinya mempunyai sifat yang baik untuk *green*, halus dan renek," ujarnya lagi.

Kajian lanjut dijalankan dengan menggunakan 15 sampel 1998 termasuk kajian DNA.

Selepas itu, beberapa siri analisis di jalankan iaitu morfologi pada 1999-2000, ujian daya tahan lindungan (2001-2002) dan kekangan air pada 2002-2003.

Selepas itu, satu daripada 15 sampel menunjukkan sifat berpotensi dan ia kemudiannya diuji pakai di padang golf UPM pada 2004 sebelum dinamakan *Satiri*.

Penyelidikan tersebut tidak menggunakan sumber kewangan dari geran penyelidikan sebaliknya ia dijalankan dengan melibatkan pelajar bachelors yang menyiapkan projek tahun akhir.

Sebanyak empat pelajar peringkat bachelors menggunakan penyelidikan ini untuk projek tahun akhir mereka dan anggaran kosnya adalah sebanyak RM70,000.

Satiri sebenarnya diperoleh daripada hasil kajian teliti yang mana sampel diambil dari *green* yang ditanam dengan pelbagai spesies termasuk *Zoysea spp.*, *Cynodon dactylon* dan hibrid interspesies.

Satiri yang terpilih adalah sampel *weed* yang diambil dari *green* yang ditanam dengan *tifdwarf* yang merupakan hibrid antara *Cynodon dactylon* x *C. transvalensis*.

Satiri mempunyai sifat renek, *internod* (jarak antara ruas) yang lebih

pendek, daun yang halus yang memberikan permukaan *turf* rata dan licin yang disifatkan sangat sesuai untuk *green* di padang golf.

Satiri boleh dipotong sehingga tiga milimeter (mm) dan masih mempunyai luas permukaan daun yang cukup untuk meneruskan pertumbuhan.

Warna daunnya agak gelap dan menjadikan *green* yang ditanam dengan rumput ini menarik, manakala akarnya pula panjang dan banyak.

Menurut Dr. Mohd. Said, rumput tersebut sesuai digunakan bukan sahaja untuk *green* di padang golf tetapi juga untuk *lawn bowl*.

Malah, ia juga sesuai digunakan untuk tanaman rumput halaman rumah kerana ciri-cirinya yang menyerupai permaidani.

Namun katanya, setakat ini, beliau berharap dapat menarik perhatian pengusaha padang golf dan *lawn bowl* di negara-negara tropika seperti ASEAN.

Mengenai sama ada ciri-ciri rumput tersebut sesuai untuk meningkatkan kelajuan semasa *putting*, beliau berkata, ia boleh dikawal dengan membuat pemotongan pada ketinggian berlainan.

Satiri boleh dipotong rendah hingga tiga mm untuk dapatkan kelajuan yang tinggi (9-12).

"Kelajuan boleh dikurangkan dengan meningkatkan ketinggian pemotongan, jika dipotong pada ketinggian antara 4.5 dan -5 mm kelajuan turun kepada 8-9."

"*Satiri* lebih istimewa kerana ia boleh dipotong rendah secara berterusan tanpa kesan kepada pertumbuhannya," ujarnya.

Ciri-ciri

- Renek atau *superdwarf*
- Internode sangat pendek dan daun halus), pertumbuhan yang *vigorous*,
- Warna daun hijau gelap, mempunyai toleransi sederhana pada kekangan air dan lindungan.

MORFOLOGI rumput *Satiri* menunjukkan ia lebih kerdil berbanding rumput yang biasa digunakan di padang golf.

